

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1  
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERAK**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak. LKAN ini melaporkan tiga tajuk pengauditan iaitu dua tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan/agensi dan satu tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan negeri seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri**

**a. Pengurusan Sekolah Menengah Tahfiz (SMT) Negeri Perak (Kos Program - RM57.84 juta)**

Kajian ini melibatkan satu jabatan utama serta 16 sampel SMT iaitu empat Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) dan 12 Maahad Tahfiz Swasta (MTS). Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output dan pencapaian keberhasilan projek seperti berikut:

**i. Pencapaian Output**

- pencapaian output bagi aktiviti Pengurusan SMT Negeri Perak tidak mencapai sepenuhnya sasaran yang ditetapkan dari aspek berikut:
  - bilangan SMTDR ditubuhkan;
  - bilangan lepasan SPM yang Huffaz Al-Quran;
  - bilangan MTS menggunakan kurikulum tahfiz dan arus perdana; dan
  - bilangan MTS berdaftar dengan JAIPk mengikut ketetapan enakmen.

**ii. Pencapaian Keberhasilan**

- SMT berjaya melahirkan lepasan SPM Huffaz Al-Quran yang cemerlang dalam SPM dan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi; dan
- sasaran 100 pelajar setahun yang berjaya huffaz Al-Quran belum tercapai bagi empat SMTDR dengan pencapaian antara 52.2% hingga 85.9%.

**1.2. Pengauditan Aktiviti Agensi Kerajaan Negeri**

**a. Pengurusan Projek Penswastaan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak (Kos Projek - RM311.33 juta)**

Kajian ini melibatkan enam Pihak Berkuasa Tempatan yang meliputi lima projek JV dan dua projek pajakan harta/kontrak pengurusan. Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output dan pencapaian keberhasilan projek seperti berikut:

### i. **Pencapaian Output**

- prestasi fizikal komponen projek *joint venture* (JV) tidak tercapai sepenuhnya; dan
- prestasi kutipan hasil (projek pajakan harta/kontrak pengurusan) tercapai dan PBT telah menerima hasil sewajarnya.

### ii. **Pencapaian Keberhasilan**

- objektif projek dari aspek penggunaan bangunan/kemudahan yang dibangunkan, peluang pekerjaan dan perniagaan yang diwujudkan serta penambahan hasil kepada PBT tidak tercapai sepenuhnya; dan
- peratusan balasan/pulangan projek JV adalah memuaskan berdasarkan penilaian Gross Development Value (GDV) projek.

## **1.3. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak**

### a. **Millenia Aqua Services Sdn. Bhd. (MASSB) [Syarikat Berhad Menurut Syer]**

Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat telah tercapai kerana menyumbang ke arah penurunan kadar air tidak berhasil (NRW) Negeri Perak (29.5%) berbanding kadar NRW negara (31%); penjimatan kehilangan NRW mengikut kontrak adalah antara 36.8% hingga 99.6%; tadbir urus korporat kurang memuaskan iaitu 8 daripada 9 aspek tidak diamalkan; manakala kedudukan kewangan adalah kukuh. Pencapaian output dan keberhasilan syarikat adalah seperti berikut:

### i. **Pencapaian Output**

- aktiviti pembinaan dan pemantauan *District Metered Area* Kontrak 1 hanya mencapai 65.7% daripada sasaran yang ditetapkan;
- prestasi pengesanan kebocoran air melebihi sasaran antara 1.9% hingga 29.6%;
- prestasi kontraktor kurang cekap dalam melaksanakan pembaikan berbanding pengesanan kebocoran air oleh MASSB antara 77% hingga 94.2% kecuali Wilayah Selatan yang mencapai melebihi 100%; dan
- penyenggaraan pencegahan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, dengan pencapaian antara 45% (Kontrak 3) hingga 86.6% (Kontrak 2).

### ii. **Pencapaian Keberhasilan**

- syarikat telah menyumbang ke arah penurunan kadar NRW Negeri Perak berbanding kadar NRW negara;
- aktiviti penjimatan kehilangan NRW mengikut kontrak belum mencapai sasaran yang ditetapkan; dan
- dividen dibayar pada kadar 10% kepada Lembaga Air Perak setiap tahun.

2. Secara keseluruhannya, 10 syor diberikan oleh Ketua Audit Negara iaitu empat kepada Jabatan dan masing-masing tiga kepada Agensi dan Syarikat.